



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (15 JANUARI 2024) — Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyambut baik sokongan Kerajaan Malaysia kepada Afrika Selatan yang telah mengheret Israel di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), yang merupakan suatu badan kehakiman utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

SUHAKAM menggesa kerajaan untuk turut campur tangan dalam perbincangan di ICJ. Sebagai negara pihak kepada Konvensyen Genosid, Malaysia harus memberi komitmen dan memastikan Israel bertanggungjawab ke atas kekejaman di Gaza dan pelanggaran hak asasi manusia dan penyiksaan yang tidak berperikemanusiaan terhadap rakyat Palestin sejak berdekad lamanya. SUHAKAM juga menyeru agar Kerajaan menimbang semula reservasi kepada Perkara 9 Konvensyen Genosid yang khususnya menekankan mengenai pencegahan dan hukuman jenayah.

Kerajaan perlu bersepakat dengan semua sekutu dalam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan badan-badan serantau lain untuk turut campur tangan atau menyokong hak rakyat Palestin dalam mendapatkan kedaulatan negara mereka. Afrika Selatan kini mendapat sokongan kira-kira 20 buah negara dan antara negara yang memberikan tentangan adalah Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman dan Kanada.

Selaras dengan komitmen untuk memupuk solidariti dalam kalangan institusi hak asasi manusia kebangsaan, SUHAKAM dengan ini komited menyokong Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Afrika Selatan. SUHAKAM menyeru masyarakat antarabangsa untuk terus memberi sokongan kepada Afrika Selatan dan menggariskan akan kepentingan untuk memastikan keadilan, hak asasi manusia, dan kebertanggungjawaban. SUHAKAM berharap agar isu ini akan menemui satu titik penyelesaian damai kepada konflik di rantau tersebut.

-TAMAT-

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
15 Januari 2024**